JALLCON (M) SDN. BHD.

lwn.

YEOH CHENG LIAM CONSTRUCTION SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[GUAMAN SIVIL NO. P24-302-86]
14 DISEMBER 1989

PROSEDUR SIVIL: *Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Permohonan mengenepikan perintah 14 - Samada pihak plaintif telah mematuhi aturan 14(2)(1) itu atau tidak - Faktor-faktor yang perlu dibuktikan oleh plaintif di dalam perintah tersebut.*

Pertikaian antara kedua-dua pihak berbangkit dari satu guaman sivil yang dibuat oleh pihak plaintif supaya ia dibayar bayaran-bayaran perkhidmatan pembinaan bernama Projek Market Moden Gombak. Bayaran sebanyak RM280,000 telah dijelaskan meninggalkan baki sebanyak RM34,725 iaitu bayaran bagi bulan Mei, Jun, Julai 1985 atas kadar RM10,000 sebulan. Bayaran faedah atas kadar 1.5% satu bulan adalah juga dituntut.

Permohonan oleh defendan di sini ialah supaya keputusan yang dibuat pada 3 Mei 1989, membenarkan rayuan plaintif daripada keputusan yang dibuat oleh pihak Penolong Kanan Pendaftar itu diketepikan. Apa yang dipertikaikan oleh pihak defendan ialah bayaran faedah yang dikenakan atas 1.5% satu bulan.

Pihak defendan di dalam hujahnya berkata, adalah tugas plaintif mempastikan kesnya berasaskan kepada faktor-faktor yang ada dan menyatakan bahawa, pada pendapatnya (plaintif) pihak defendan tidak mempunyai apa-apa pembelaan, semacam mana yang disyaratkan oleh Perintah 14(2)(1), di bawah mana permohonan itu dibuat. Di dalam hujahnya peguam berkata pihak plaintif telah gagal mematuhi perintah itu kerana telah gagal mempastikan bagaimana pihak defendan telah dikenakan bayaran faedah atas kadar 1.5% sebulan, walhal tidak ada perjanjian membenarkan ia berbuat demikian. Pihak lawannya berkata soal perjanjian itu tidak berbangkit kerana dari cara dan sikapnya menjawab tuntutan itu di dalam kenyatan pembelaannya, ia dianggap telah mengakui terhutang kepada jumlah faedah yang dituntut.

Diputuskan:
[1] Pihak plaintif telah gagal mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Perintah 14(2) itu. Jika ada perjanjian bertulis seharusnya pembayaran itu adalah tertakluk kepada apa yang terkandung di dalam perjanjian, di mana di sini adalah jelas bahawa peruntukan untuk faedah dikenakan tidak disebut di mana-mana, cuma pembayaran bagi memberi perkhidmatan itu sahaja.

[2] Keputusan terawal dipinda dan rayuan defendan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar itu dibenarkan dengan bayaran kos.

[Perintah sewajarnya.]

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 14, rr. (1), (2), O. 20 r. 5(5), O. 42

Bagi pihak plaintif - T/n. David Lingam & Co.
Bagi pihak responden - T/n. Nahapan & Peri

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Permohonan oleh defendan di sini ialah supaya keputusan yang dibuat oleh saya pada 3 Mei 1989, membenarkan rayuan plaintif daripada keputusan yang dibuat oleh pihak Penolong Kanan Pendaftar itu diketepikan. Saya telah menolak permohonan itu. Kini adalah hujah lanjutan dari keputusan itu.

Pertikaian antara kedua pihak berbangkit dari satu guaman sivil yang dibuat oleh pihak plaintif supaya ia dibayar bayaran-bayaran perkhidmatan pembinaan bernama Projek Market Modern Gombak. Bayaran sebanyak RM285,000 telah dijelaskan meninggalkan baki sebanyak RM34,725 iaitu bayaran bagi bulan Mei, Jun, Julai 1985 atas kadar RM10,000 sebulan. Bayaran faedah atas kadar 1.5% satu bulan adalah juga dituntut.

Apa yang dipertikaikan oleh pihak defendan di sini adalah bayaran faedah yang dikenakan atas kadar yang tersebut.

Pihak defendan di dalam hujahnya berkata, adalah tugas plaintif mempastikan (verify) kesnya, berasaskan kepada faktor-faktor yang ada dan menyatakan bahawa, pada pendapatnya (plaintif) pihak defendan tidak mempunyai apa-apa pembelaan, semacam mana yang disyaratkan oleh Perintah 14 (2)(1), di bawah mana permohonan itu dibuat. Di dalam hujahnya peguam berkata pihak plaintif telah gagal mematuhi perintah itu kerana telah gagal mempastikan bagaimana pihak defendan telah dikenakan bayaran faedah atas kadar 1.5% sebulan, walhal tidak ada perjanjian membenarkan ia berbuat demikian, iaitu berjumlah 18% setahun, dan perintah 42 itu menyatakan kadar yang mahkamah boleh menjatuhkan adalah tidak lebih dari 8% setahun. Pihak lawannya berkata soal perjanjian itu tidak berbangkit kerana dari cara dan sikapnya menjawab tuntutan itu di dalam kenyataan pembelaannya, ia dianggap telah mengakui terhutang kepada jumlah faedah yang dituntut. Kerana, ia cuma menafikan sahaja ia berhutang sebanyak RM34,725 Tetapi, sebaliknya, apakah yang perlu lagi dijawab oleh defendan, setelah menafikan bahawa ia tidak berhutang sebanyak yang dituntut, selain dari mengulangi sahaja apa yang didakwa oleh plaintif di dalam perenggan 8 itu. Dia tidak mengakui berhutang, ini jelas. Jika pihak plaintif tidak berpuashati dengan jawapan itu maka adalah haknya meminta defendan memberi butir-butir yang lebih jelas dan lanjut lagi (further and better particulars) di bawah Perintah 12, yang telah tidak dilakukan.

Pada pendapat saya, pada hakikatnya, apa yang dikatakan oleh defendan di dalam pembelaannya itu seharusnya tidak berbangkit pada saat-saat permohonan di bawah Perintah 14(2) itu dibuat sungguhpun, seperti mana saya katakan, tidak ada perkara yang telah disebut oleh defendan di situ yang telah mengugat kedudukannya. Kerana, perkara ini masih di dalam peringkat di mana sesuatu plaintif itu membuat permohonan di bawah perintah itu bagi penghakiman terus (summary judgment) dijatuhkan.

Apa yang perlu diputuskan oleh mahkamah di sini ialah samada pihak plaintif telah mematuhi perintah 14(2)(1) itu atau tidak, dengan membuat anggapan seolah-olah pembelaan defendan itu tidak ujud pada ketika itu. Kerana, biasanya pada saat-saat itu ianya masih belum ujud bahkan, jika diteliti dengan lebih dekat, kaedah itu dibuat sekian rupa seolah-olah pembelaan itu belum ada di waktu itu kerana ia tidak menyentuh langsung atas hal itu. Hakikat ini adalah disebabkan oleh kerana sesuatu permohonan di bawah Perintah itu hendaklah dibuat dengan secepat mungkin sebelum pembelaan itu dikemukakan ke mahkamah lagi, melainkan ada sebab-sebab yang munasabah diberi olah plaintif mengapa permohonan itu terpaksa dibuat selepasnya. Saya tidak nampak ada sebab diberi oleh plaintif di sini. Satu lagi sebab mengapa sesuatu pembelaan itu tidak boleh dianggap sebagai memberi kata pemutus jika ada

percanggahan antaranya dengan Perintah 14(2)(1) itu ialah kerana, sehingga ke hari perbicaraan, bahkan di hari perbicaraan itu pun, tiap-tiap pihak itu berhak memohon membuat pindaan-pindaan kepada pleadingnya sekalipun ianya melibatkan pertukaran pokok tuntutan (cause of action) plaintif itu sendiri, semacam mana Perintah 20(5)(5) itu menyatakan.

Cuba kita lihat, oleh itu, samada pihak plaintif telah mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Perintah 14(2) itu. Perintah itu mengkehendaki ia menjelaskan faktor-faktor berasaskan mana, permohonannya itu dibuat. Bermakna, ia hendaklah membuktikan kesnya. Terbit dari itu tiga perkara adalah perlu dibuktikan oleh plaintif.

Pertama, bagaimana tuntutan faedah itu telah dikenakan.

Kedua, bagaimana faedah atas kadar 1.5% itu berbangkit.

Ketiga, bagaimana faedah yang bertindih-tindih (compound) itu turut dikenakan. Kerana pada zahirnya ketiga-tiga perkara ini tidak terkandung di dalam perjanjian itu di mana-mana.

Pihak peguam plaintif cuma menjawab jawapan satu dan dua itu sahaja. Bermakna, ia mengakui faedah yang bertindih-tindih itu tidak boleh dikenakan, kerana tidak ada peruntukan itu di dalam perjanjian, iaitu bertarikh 31 Januari 1984. Tetapi, kalau ini dikatakan kedudukannya, bagaimanakah tuntutan bagi faedah atas kadar 1.5% itu boleh dikenakan, kerana ia juga, kalau berasas, ujud di bawah perjanjian yang sama, yang jelas tidak ada. Plaintif menjawab pihak defendan telah membayar bayaran-bayaran di bawah nota hutang (debit note) yang telah dihantar kepadanya, dengan tujuan, agak saya menyatakan ini adalah persetujuan defendan yang tersirat (implied) bahawa faedah-faedah itu boleh dikenakan. Pendapat saya, kedudukan ini mungkin benar jika tidak ada perjanjian bertulis yang ujud di antara kedua-dua pihak, tetapi kalau ianya ada, maka seharusnya pembayaran itu adalah tertakluk kepada apa yang terkandung di dalam perjanjian, di mana di sini adalah jelas bahawa peruntukan untuk faedah dikenakan tidak disebut di mana-mana, cuma pembayaran bagi memberi perkhidmatan itu sahaja. Bagaimanapun, sekalipun nota hutang itu disifatkan sebagai persetujuan defendan membayar faedah yang dikenakan (yang ia menafikan), kerana dikatakan pembayaran-pembayaran terhadapnya itu telah dibuat, manakah dalil-dalilnya? Bahkan, kenyataan adalah sebaliknya, di mana pembayaran perkhidmatan bagi 14 nota-nota telah terlewat dibayar, di antara 4 hari hingga kepada 30 hari, tetapi bagaimanapun, pembayaran faedah telah tidak dikenakan. Hakikat-hakikat ini tidak dapat membawa kepada kesimpulan bahawa soal ini bagaimanapun haruslah dibicarakan.

Saya memutuskan, oleh itu, bahawa keputusan saya yang terawal itu telah dipinda dan rayuan defendan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar itu dibenarkan dengan bayaran kos.

Also found at [1990] 1 CLJ 902